NMY

lwn.

**PENGETUA, PUSAT PEMULIHAN GADIS,
TAMAN SERI PUTERI, REMBAU, NEGERI SEMBILAN**

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
TUAN HASHIM BIN DATO' HAJI YUSOFF PK
[PERMOHONAN JENAYAH NO. 44-59-1994]
29 DISEMBER 1994

HABEAS CORPUS: *Gadis juvana - Perintah tahanan - Seksyen 8(1) Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 - Perintah tahanan lanjutan sementara menunggu laporan penyiasatan oleh Pelindung - Samada teratur - Samada merupakan budibicara Mahkamah - Samada gadis ditahan tanpa kerelaaan - Permohonan habeas corpus dibuat oleh orang ketiga - Samada permohonan dibuat dengan teraturnya - Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 ss. 8(1), 8(2), 8(3) & 8(4) - Kanun Prosedur Jenayah ss. 365, 366, 367.*

[**English** Translation of Catchwords]

HABEAS CORPUS: *Juvenile girl - Detention order - Section 8(1) Women and Girls Protection Act 1973 - Detention order extended pending report by Protecter - Whether proper - Whether a matter of Court's discretion - Whether girl forcefully detained - Habeas Corpus application made by third party - Whether regular - Women and Girls Protection Act 1973 ss. 8(1), 8(2), 8(3) & 8(4) - Criminal Procedure Code ss. 365, 366 & 367.*

NMY di sini adalah gadis juvana berumur 16 tahun. Pada 24 Oktober 1994, ekoran permohonan di bawah s. 8(2) Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 yang dibuat oleh bapanya, Mahkamah Majistret, Kuala Lumpur membuat perintah supaya NMY dijaga oleh pelindung menurut peruntukan Akta tersebut. Pelindung diarahkan untuk menyediakan satu laporan penyiasatan seperti kehendak s. 8(3), dan tarikh 23 November 1994 ditetapkan sebagai tarikh untuk mengemukakan laporan tersebut kepada Mahkamah. Satu perintah tahanan dikeluarkan oleh Mahkamah supaya NMY ditahan di Pusat Pemulihan Gadis, Rembau, Negeri Sembilan sehingga tarikh tersebut.

Pada 23 November 1994 pelindung mengemukakan laporan penyiasatannya kepada Mahkamah seperti perintah. Bagaimanapun, pada tarikh itu, nenek NMY bernama Pendek bt Ahmad memohon di bawah s. 8(4) Akta supaya NMY diserahkan kepadanya untuk jagaan. Berikutnya Mahkamah menetapkan tarikh 30 November 1994 untuk mendapatkan laporan akhlak Pendek dan juga untuk keputusan. Tahanan NMY telah dilanjutkan oleh Mahkamah dengan sekadarnya.

Pada 30 November 1994 Timbalan Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat mengemukakan laporan akhlak Pendek tetapi laporan berkenaan tidak menyokong permohonan Pendek untuk mendapatkan hak jagaan terhadap NMY. Bagaimanapun pada hari yang sama berlaku perkembangan lain di mana bapa NMY memohon untuk menarik balik permohonan beliau di bawah s. 8(2) yang dibuatnya dahulu. Ekoran permohonan terbaru ini Majistret menetapkan tarikh 30 Disember 1994 untuk membuat keputusan, dan sementara menunggu hari tersebut, melanjutkan waran tahanan NMY ke tarikh yang sama.

Pendek tidak berpuas hati dengan perintah untuk melanjutkan tahanan NMY sehingga 30 Disember 1994 dan memohon suatu writ *habeas corpus* untuk pembebasan NMY. Pendek memberi alasan bahawa penahanan lanjut NMY tidak sah di sisi undang-undang oleh kerana

penahanan tersebut telah melampaui tempoh satu bulan dari tarikh 24 Oktober 1994. Dihujahkan juga bahawa oleh kerana bapa NMY telah menarik balik permohonannya yang dibuat di bawah s. 8(2) Akta, maka Majistret berkenaan tidak mempunyai bidang kuasa untuk membuat perintah lanjutan tahanan terhadap NMY sepertimana yang dibuatnya. Fakta kes bagaimanapun menunjukkan bahawa NMY sendiri tidak berhasrat untuk membuat permohonan *habeas corpus* di atas dan tidak memberi apa-apa keizinan kepada Pendek untuk berbuat demikian.

Di hadapan yang arif Hakim antara isu penting yang timbul ialah samada NMY dalam halkeadaan di atas telah ditahan dengan sahnya, dan jika tidak, samada permohonan *habeas corpus* boleh diteruskan oleh Pendek apabila NMY sendiri tidak menyokong permohonan itu.

Diputuskan:

[1] Walaupun bapa NMY telah menarik balik permohonan asalnya hujah bahawa perintah tahanan lanjutan yang dibuat oleh Majistret tidak mengikut undang-undang tidak dapat diterima. Afidavit NMY sendiri, yang tidak dicabar, menyatakan beliau ingin tinggal di Taman Sri Puteri, Rembau, dan dari afidavit itu jelas bahawa gadis tersebut bukanlah ditahan tanpa kebenarannya. Tidak ada apa-apa sebab untuk menganggap bahawa NMY telah ditahan tanpa keizinannya dan tanpa sebab yang munasabah seperti yang dimaksudkan di bawah s. 365 Kanun Prosedur Jenayah.

[2] Menurut s. 8(1) Akta, Mahkamah Majistret boleh bertindak dengan sendirinya untuk memerintahkan penahanan seseorang gadis di bawah umur 21 tahun untuk ditempatkan di rumah perlindungan demi menjaga keselamatan dan kebajikan gadis tersebut sehingga suatu penyiasatan di bawah s. 8(3) dikemukakan kepada Mahkamah. Dalam kes ini, pada 30 November 1994, Mahkamah Majistret telah berpuas hati bahawa NMY memerlukan perlindungan walaupun bapanya telah menarik balik permohonan beliau. Mahkamah dengan itu boleh bertindak di bawah s. 8(1) Akta dan memerintahkan penahanan lanjut NMY.

[3] Mahkamah berhak untuk mengkaji dan menimbang apa-apa laporan yang disediakan oleh Pelindung di bawah s. 8(3) Akta. Majistret yang bijaksana telah menangguhkan kes kepada 30 Disember 1994 untuk menentukan siapakah orang yang sewajarnya untuk menjaga NMY dan untuk tujuan ini beliau perlu menimbang laporan pelindung terlebih dahulu. Oleh itu tidaklah salah bagi Majistret membuat penangguhan tersebut, lebih-lebih lagi penangguhan berkenaan, dalam halkeadaan kes, bukanlah sesuatu yang tidak munasabah. Tidak ada peruntukan di bawah s. 8 Akta yang memerlukan Majistret bertindak serta merta apabila beliau menerima laporan daripada pelindung di bawah s. 8(3) Akta.

[4] Keputusan dan kebajikan NMY adalah juga satu perkara penting yang perlu dipertimbangkan oleh Mahkamah. NMY dalam kes ini telah menjelaskan sebab-sebab demi keselamatan dan kebajikannya mengapa dia masih ingin dan rela tinggal di Pusat Perlindungan berkenaan dan tidak mahu dikeluarkan dari situ. Dalam keadaan ini amat perlu bagi Mahkamah membenarkan hasrat gadis tersebut bagi menjaga kepentingannya.

[5] Di atas fakta, afidavit yang dibuat oleh Pendek, yang antara lain menyebut beliau membuat afidavitnya itu bagi pihak NMY sukar diterima. Afidavit tersebut jelas tidak mengikut kehendak atau maksud s. 367 Kanun Prosedur Jenayah.

[Permohonan ditolak]

Kes-kes yang dirujuk:

Ram Kumar v. District Magistrate AIR 1966 Punjab 51 ***(dirujuk)***
Karpal Singh v. Inspector General of Police & Ors. [1989] 1 MLJ 184 ***(dirujuk)***
Koh Yoke Koon v. Minister of Home Affairs, Malaysia & Anor. [1988] 1 MLJ 45 ***(dirujuk)***
Andrew s/o Thamboosamy v. Supt. of Pudu Prisons [1976] 2 MLJ 136 ***(dirujuk)***

Bhola Nath v. District Magistrate AIR [1959] Punjab 236 ***(diikuti)***
Madhya Bharat High Court [1952] Cri. LJ 578 ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:
Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973
Bab XXXVI Kanun Prosedur Jenayah (KPJ)
Kanun Prosedur Jenayah, s. 267, 365, 366, 367
Perlembagaan Persekutuan, Perkara 5(2)

Sumber lain yang dirujuk:
Ratanlal's Criminal Procedure Code Chapter XXXVII, ms. 445

Bagi pihak pemohon - Karpal Singh (Zulkifli Nordin & Kamar Ainiah bt Kamarulzaman bersamanya)
Bagi pihak responden - Zaitun Zawiyah bte Puteh (Mohamed Bazain bin Idris bersamanya); Peguam Kanan Persekutuan

PENGHAKIMAN

Hashim bin Dato' Haji Yusoff PK:

Ini adalah suatu permohonan di bawah Bab XXXVI Kanun Prosedur Jenayah (KPJ) dan Perkara 5(2) Perlembagaan Persekutuan untuk suatu perintah *habeas corpus* oleh Pendek bt Ahmad supaya Mahkamah ini membebaskan cucunya, seorang gadis juvana yang berumur 16 tahun 3 bulan (Selepas ini disebut "NMY" demi untuk menjaga kepentingan juvana ini) pada masa ini, daripada Pusat Pemulihan Gadis, Taman Sri Puteri, Rembau, Negeri Sembilan.

Fakta kes, seperti yang terdapat daripada affidavit Pendek bt Ahmad, Mumtaj Begum bt Mohd Sultan dan juga NMY adalah seperti berikut:

> Pada 24 Oktober 1994 bapa kepada NMY, Mohd Yusop bin Baijuri, telah membuat satu permohonan, seperti eksibit "MB1", di bawah s. 8(2) Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 (selepas ini disebut "Akta") di Mahkamah Majistret, Kuala Lumpur, supaya NMY diletakkan di bawah jagaan pelindung di tempat perlindungan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Di atas permohonan ini Majistret berkenaan pada hari yang sama, telah mengarahkan supaya satu laporan penyiasatan mengikut s. 8(3) Akta dikemukakan kepada Mahkamah yang sama pada 23 November 1994. Sementara menunggu laporan penyiasatan tersebut Mahkamah Majistret berkenaan telah mengeluarkan satu waran tahanan untuk menempatkan NMY di Taman Seri Puteri, Rembau, Negeri Sembilan di bawah s. 8(2) Akta seperti di eksibit "MB2".

Pada 23 November 1994, laporan penyiasatan telah dikemukakan kepada Mahkamah Majistret berkenaan seperti yang diarahkan pada 24 Oktober 1994. Satu laporan akhlak bapa NMY telah juga dikemukakan kepada Mahkamah Majistret pada hari yang sama.

Semasa pendengaran dijalankan di dalam kamar Majistret, Peguam Encik Zulkifli Nordin dan Encik Karpal Singh telah memberitahu Majistret berkenaan bahawa mereka mewakili Pendek bt Ahmad dan memohon supaya Mahkamah Majistret mengeluarkan satu perintah di bawah s. 8(4)(b) Akta supaya NMY diserahkan kepada Pendek bt Ahmad.

Peguam Zulkifli Nordin seterusnya memohon kepada Mahkamah Majistret supaya satu laporan akhlak disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat mengenai Pendek bt. Ahmad. Bagi tujuan ini Mahkamah Majistret berkenaan telah menangguhkan kes ini kepada 30 November 1994. Sementara itu Mahkamah Majistret melanjutkan waran tahanan bertarikh 24 Oktober 1994 ("MB2") kepada 30 November 1994.

Pada 30 November 1994 laporan latar belakang Pendek bt Ahmad dikemukakan kepada Mahkamah Magistret. Laporan tersebut tidak menyokong permohonan Pendek bt Ahmad. Di

peringkat ini Peguam bagi pihak Pendek bt Ahmad memohon untuk menyoal balas Encik Tee Ah Kow, Timbalan Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Melaka, iaitu pegawai yang menyediakan laporan tersebut. Mahkamah Majistret seterusnya menangguhkan pendengaran kes tersebut kepada pukul 3.00 petang hari yang sama untuk tujuan soal balas itu.

Apabila Mahkamah Majistret bersidang semula untuk tujuan soal balas itu, Peguam Encik Karpal Singh memaklumkan kepada Majistret bahawa bapa kepada NMY ingin menarik balik permohonan beliau ("MB1") yang asal itu. Bapa NMY mengesahkan secara lisan penarikan balik permohonan itu atas alasan lebih elok bagi beliau menjaga anaknya sendiri dan beliau ingin menyekolahkan anaknya semula di mana-mana tempat yang sesuai.

Di peringkat ini Majistret telah menangguhkan kes untuk keputusannya kepada 30 Disember 1994 dan seterusnya melanjutkan lagi waran tahanan "MB2" kepada 30 Disember 1994.

Di atas waran tahanan lanjutan inilah Pendek bt Ahmad memohon supaya suatu writ *habeas corpus* dikeluarkan atas sebab ianya tidak sah di sisi undang-undang dan tidak berasaskan apa-apa authoriti perundangan yang sah oleh kerana penahanan gadis tersebut telah melampaui tempoh masa satu bulan daripada 24 Oktober 1994 dan juga kerana bapa gadis tersebut sendiri telah menarik balik permohonannya yang dibuat di bawah s. 8(2) Akta dan oleh itu Majistret berkenaan tidak mempunyai bidangkuasa langsung untuk membuat perintah lanjutan tahanan gadis tersebut lagi.

Kes ini agak berlainan daripada kes-kes *habeas corpus* yang kerap kali difailkan di Mahkamah Tinggi oleh kerana dalam kes ini gadis NMY yang dikatakan ditahan tanpa mengikuti peruntukan perundangan itu sendiri menyatakan melalui affidavitnya bahawa dia tidak berhasrat atau memberi kebenaran kepada neneknya supaya dia dikeluarkan dari Taman Sri Puteri, Rembau, Negeri Sembilan. Gadis tersebut juga mengatakan dia tidak dimaklumkan oleh neneknya tentang permohonan ini atau mendapat persetujuannya untuk membuat permohonan tersebut.

Ini dengan sendirinya menimbulkan isu samada permohonan *habeas corpus* boleh diteruskan apabila orang yang ditahan sendiri tidak berhasrat membuat atau menyokong permohonan sedemikian.

Encik Karpal Singh menghujahkan fakta gadis tersebut tidak berhasrat dilepaskan tidak bererti Mahkamah ini tidak boleh teruskan pendengaran prosiding *habeas corpus* ini.

Beliau merujuk kepada perkara 5(2) Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi:

> where complaint is made to a High Court or any Judge thereof that a person is being unlawfully detained the Court shall enquire into the complaint and, unless satisfied that the detention is lawful, shall order him to be produced before the Court and release him.

Kuasa untuk membuat perintah yang dimaksudkan di bawah perkara 5(2) Perlembagaan itu juga terdapat di bawah s. 365 Kanun Prosidur Jenayah (KPJ). Peguam Encik Karpal Singh terus berhujah bahawa isu gadis tidak memberikan keizinannya kepada Pendek bt. Ahmad tidak boleh menghalang Puan Pendek bt Ahmad untuk membuat permohonan ini. Beliau merujuk kepada kes *Ram Kumar v. District Magistrate* AIR 1966 Punjab 51, di mana di muka surat 58 Hakim Mehar Singh menyatakan seperti berikut:

> The right that can be enforced "on his behalf" under Article 226 also shall ordinarily be the personal or individual right of the petitioner himself, though in the case of some of the writs like *habeas corpus* or *quo warranto* this rule may have to be relaxed or modified.

> So that a petition for writ of *habeas corpus* under Article 226 can of course be filed by the person in detention or custody, and it can also be filed, on his behalf, by a friend or relation for this reason that such a person is in a position to make an affidavit that the detenu himself is not able to move in the matter and with regard to the facts and circumstances rendering illegal the detention or custody. An utter stranger cannot possibly help the Court in this. He cannot explain why the detained person is himself not able to move in the matter and he cannnot possibly make an affidavit with regard to the facts and circumstances which go to show whether or not the detention or custody is illegal. The answer to the question is that petition for writ of *habeas corpus* is ordinarily moved by the person detained or in custody and can be moved also by a friend or relation, but for the reasons stated, not by an utter stranger. In the rarest of cases, where the Court has been appraised of material which immediately and obviously establishes the illegality of the detention or custody, of course the Court will for the ends of justice, proceed to issue the necessary writ, direction or order and in such rare cases a stranger may come in, but such a contingency should appear to be so rare as to be almost non-existent. In the present case, the question as framed in broad terms does not arise, because the petitioner claims to be a friend of the detenu and there is nothing to show the contrary.

Encik Karpal Singh juga menghujahkan bahawa gadis NMY tersebut tidak boleh memberi persetujuannya kepada suatu perintah yang salah di sisi undang-undang. Beliau merujuk kepada *Ratanlal's Criminal Procedure Code* Chapter XXXVII di muka surat 445 di bawah clasue (b) yang berbunyi:

> Whatever may be the defects in the procedure by which a person came to be in custody, it is sufficient answer to a rule under this clause, if it can be shown that the person arrested was at the time of hearing of the rule detained in legal custody. If a minor, even though with her own consent, remains, in the custody of a person, he must be held to have illegally detained her, if another person, who is better entitled in law to have the custody of the minor, desires to have that custody.

Encik Karpal Singh seterusnys meminta Mahkamah ini meneliti affidavit dan surat NMY tersebut dengan berhati-hati sebab beliau menghujahkan gadis tersebut bukan seorang yang bebas pada masa ini.

Saya bersetuju adalah menjadi beban responden untuk membuktikan tahanan itu adalah sah di sisi undang-undang lihat *Karpal Singh v. Inspector General of Police & Ors.* [1989] 1 MLJ 184 di perenggan H bahagian kanan yang berbunyi:

> In an application for an order of *habeas corpus*, it is true that the detaining authority has to show that the detention of the subject is lawful.

dan juga;

> *Re Tan Sri Raja Khalid bin Raja Harun Inspector General of Police v. Tan Sri Raja Khalid bin Raja Harun* [1988] 1 MLJ 182.

di mana Mahkamah Agung (pada masa itu) memutuskan:

> (1) **where a person who has been deprived of his liberty** challenges the detention, it is for the auhority to show that the person has been detained in exercise of a valid legal power. Once that is shown, **it is for the detainee to show that the power had been exercised *mala fide*** or improperly or made for a collateral or ulterior purpose.

Rujukan juga dibuat oleh Encik Karpal Singh kepada kes *Koh Yoke Koon v. Minister of Home Affairs, Malaysia & Anor.* [1988] 1 MLJ 45 di mana Edgar Joseph Jr. HMT (beliau pada ketika itu) memutuskan:

Held: (4) the detention of the applicant under s. 4(1) was not procured by steps all of which were entirely regular nor was the Court satisfied that "every step in the process" which led to such detention was followed with extreme regularity and therefore the Court should not allow the imprisonment to continue. To hold to the contrary would in effect mean that the Minister had power to continue the detention of one who is being illegally detained.

Encik Zulkifli Nordin turut menghujahkan isu-isu yang sama dibangkitkan oleh Encik Karpal Singh.

Bagi pihak responden pula Puan Zaitun Zawiyah bt Puteh, Peguam Kanan Persekutuan yang dibantu oleh Encik Bahzain bin Idris menghujahkan bahawa gadis NMY tersebut bukan ditahan oleh responden tetapi ditahan di tempat responden atas perintah Mahkamah Majistret bertarikh 24 Oktober 1994. - "MB1"

Beliau menghujahkan bahawa perintah tahanan lanjutan daripada 23 November kepada 30 November 1994 yang dibuat oleh Mahkamah Majistret berkenaan timbul akibat tindakan Peguam Encik Karpal Singh dan Zulkifli Nordin sendiri yang memohon supaya Majistret membuat perintah dengan tujuan supaya Puan Pendek bt Ahmad dapat menjaga gadis tersebut. Dihujahkan sekiranya permohonan oleh kedua-dua Peguam ini tidak dibuat pada ketika itu Mahkamah Majistret mungkin akan membuat perintah sewajarnya mengikut peruntukan yang ada di bawah s. 8(4) Akta.

Kes ini dirumitkan apabila bapa gadis tersebut menarik balik permohonannya yang asal itu pada 30 November 1994 apabila Mahkamah Majistret bersedia untuk mendengar permohonan itu seterusnya. Di sini Puan Zaitun Zawiyah menghujahkan walaupun bapa gadis tersebut telah menarik balik permohonan asalnya di bawah s. 8(2) Akta Majistret yang bijaksana masih boleh bertindak di bawah s. 8(1) Akta yang sama. Untuk memudahkan penjelasan perlu disebutkan di siini peruntukan di bawah s. 8(1) hingga (4) Akta yang berbunyi seperti berikut:

8(1) Any female person under the age of twenty-one years whom the Court of a Magistrate believes to have been ill-treated or neglected and exposed to moral danger and to need protection, may subject to subsection (6) by warrant issued by the Court be ordered to be removed to a place of refuge and there detained until an enquiry under subsection (3) to enquire into the circumstances of her case has been completed and a report of the enquiry has been submitted to the Court for determining whether any warrant or order may be made under subsection (4) in respect of such female person.

(2) Where the lawful guardian of a female person under the age of eighteen years requests the Court of a Magistrate in writing to detain such female person in a place of refuge on the ground that the lawful guardian cannot exercise proper control over her and as a result she is exposed to moral danger the Court may by warrant issued by the Court order such female person to be removed to a place of refuge and there detained until an enquiry under subsection (3) to enquire into the circumstances of her case has been submitted to the Court for determining whether a warrant under paragaraph (a) or any order under paragraph (b) or (d) of subsection (4) may be made in respect of such female person.

(3) Every enquiry for purpose of s. 7 or subsection (1) or (2) of this section shall be made by the protector and completed within a period not exceeding one month from the date of the admission of such female person to the place of refuge pursuant to s. 7 of subsection (1) or (2) of this section and a report of the enquiry shall be submitted immediately thererafter to the Court which caused such enquiry to be made.

(4) If after the enquiry under s. 7 or subsection (1) or (2) of this section, the Court of a Magistrate is satisfied that such female person is in need of protection the Court may subject to the provisions of this section:

(a) by warrant issued by the Court order such female person to be detained in a place of refuge for a period of three years from the date of the admission of such female person into the place of refuge pursuant to s. 7 or subsection (1) or (2) of this section:

Provided that the board of visitors of the place detained may reduce the period of detention of such female person but so that no reduction shall be made which will have the effect of enabling such female person to be released from the place of refuge within twelve months from the date of the admission thereto as specified in this paragraph.

(b) make an order where appropriate committing such female person for a specified period not exceeding three years from the date of the order to the care of a person whether a relative or not who is willing and whom the Court considers to be a fit and proper person to undertake the care of such female person.

(c) make an order where appropriate requiring her parent or guardian to enter into a bond for a specified period not exceeding three years from the date of the order to exercise proper care and guardianship over her; or

(d) make an order placing such female person for a specified period not exceeding three years from the date of the order under the supervision of a Social Welfare Officer appointed for the purpose by the Court.

Beliau berhujah apa yang diperlukan ialah supaya suatu penyiasatan dibuat dan laporan disediakan oleh pelindung dalam masa tidak melebihi satu bulan daripada tarikh gadis tersebut dimasukkan ke Taman Sri Puteri itu. Ini telah diikuti dan dipatuhi oleh pelindung.

Jadi, perintah lanjutan oleh Majistret hanya dibuat oleh Mahkamah untuk membolehkan Majistret yang bijaksana menerima laporan penyiasatan di bawah s. 8(3) Akta untuk tujuan memuaskan hatinya samada gadis tersebut perlukan perlindungan atau tidak dan seterusnya membuat perintah jagaan sewajarnya kepada sesiapa yang difikirkan "fit and proper" untuk menjaga gadis tersebut. Tidak ada peruntukan di bawah Akta tersebut yang memerlukan Majistret membuat perintahnya dalam masa satu bulan.

Saya berpendapat:

Memang "trite law" bahawa di dalam kes permohonan *habeas corpus* Mahkamah perlu memberi tafsiran yang sebenarnya (strict interpretation) kepada peruntukan undang-undang dan prosedur dan sekiranya ada apa-apa keraguan Mahkamah sepatutnya memberi faedah itu kepada subjek yang berkenaan lihat *Andrew s/o Thamboosamy v. Supt. of Pudu Prisons* [1976] 2 MLJ 136, di mukasurat 168.

Dalam hal ini Mahkamah perlu juga melihat kepada s. 366 Kanun Prosedur Jenayah yang berbunyi:

Every application to bring up before the Court a person detained on a warrant of extradiction or alleged to be illegally or improperly detained in custody shall be supported by affidavit stating where and by whom the person is detained and, so far as they are known, the facts relating to such detention, with the object of satisfying the Court that there is possible ground for supposing that such person is detained **against her will and** without just cause.

(penekanan dibuat oleh saya)

Bolehkah dikatakan gadis tersebut ditahan tanpa kebenarannya dan tanpa sebab yang munasabah? Affidavit gadis tersebut sendiri yang tidak dicabar, menyatakan beliau ingin tinggal di Taman Sri Puteri, Rembau. Dari affidavit itu adalah jelas sekali gadis tersebut bukan ditahan tanpa kebenarannya.

Hujahan bahawa perintah tahanan lanjutan yang dibuat oleh Majistret yang dikatakan oleh Puan Pendek bt Ahmad adalah tidak mengikut undang-undang tidak dapat saya terima walaupun bapa gadis itu telah menarik balik permohonan asalnya di bawah s. 8(2) Akta.

Jika dilihat kepada s. 8(1) Akta perbezaan dengan s. 8(2) adalah jelas. Di bawah s. 8(1) Mahkamah Magistret boleh bertindak dengan sendirinya manakala di bawah s. 8(2) perlu ada permohonan oleh penjaga kepada seseorang gadis di bawah umur 18 tahun.

Di bawah s. 8(1) Akta, jika Mahkamah Majistret mempercayai seseorang gadis di bawah umur 21 tahun telah tidak dijaga dengan baik atau terdedah kepada bahaya moral dan memerlukan perlindungan, Mahkamah Majistret boleh melalui waran memerintahkan gadis tersebut ke suatu tempat perlindungan dan ditahan disitu sehingga suatu penyiasatan di bawah s. 8(3) dan laporan mengenai keadaan kesnya dapat dikemukakan di Mahkamah.

Adalah jelas dalam kes ini Mahkamah Majistret telah berpuas hati pada 30 November 1994, bahawa gadis tersebut memerlukan perlindungan walupun bapanya telah menarik balik permohonannya. Mahkamah Majistret dengan itu boleh bertindak dengan sendirinya di bawah s. 8(1) Akta demi menjaga keselamatan dan kebajikan gadis NMY tersebut.

Ini juga bererti Mahkamah Majistret berkenaan berhak untuk mengkaji dan menimbangkan apa-apa laporan penyiasatan yang telah disediakan oleh pelindung di bawah s. 8(3) Akta.

Dalam kes ini Majistret yang bijaksana telah menangguhkan kes kepada 30 Disember 1994, untuk tujuan menentukan siapa orang sewajarnya samada seorang saudara atau tidak, yang difikirkan patut untuk menjaga gadis tersebut dan beliau sudah tentu perlu menimbang laporan pelindung terlebih dahulu. Untuk membolehkan Majistret berbuat demikian, saya fikir tidak salah bagi Majistret menangguhkan kes ini selama satu bulan daripada 30 November sehingga 30 Disember 1994 dan di dalam keadaan kes ini, adalah bukan tidak munasabah. Tidak ada peruntukan di bawah s. 8 Akta yang memerlukan Majistret bertindak serta merta apabila beliau menerima laporan daripada pelindung di bawah s. 8(3) Akta. Tetapi ini bukanlah bererti Mahkamah Majistret boleh sengaja melambat-lambatkan membuat keputusannya. Penangguhan pertama daripada 23 November 1994 adalah kerana permohonan Peguam bagi pihak Puan Pendek bt Ahmad. Penangguhan seterusnya daripada 30 November 1994 kepada 30 Disember 1994 adalah di atas budibicara Majistret yang bijaksana sendiri yang telah dibuatnya secara munasabah.

Tidak dinafikan bahawa keputusan dan kebajikan gadis tersebut merupakan perkara yang sangat perlu dipertimbangkan oleh Mahkamah. Kes yang dirujukan oleh Encik Karpal Singh dalam *Rantanlal's CPC supra*, di muka surat 444 perenggan enam menyokong pendapat ini. Ia berbunyi seperti berikut:

> The underlying principle of every writ of *habeas corpus* under this section is to ensure the protection and well-being of the person brought before the Court under the writ. The real interest and well-being of the person ought to be only the determining but the sole consideration. In dealing with a minor, the Court should have regard to the welfare of the infant irrespective of its age. Due regard must also be had to the ties of affection. If the infant is capable of forming intelligent opinions the Court must take them into consideration.

Kes *Bhola Nath v. District Magistrate* AIR [1959] Punjab 236 juga mementingkan kebajikan orang yang ditahan lebih daripada penahanan yang menyalahi undang-undang terutama sekali di dalam kes orang-orang yang belum dewasa (minor).

Mahkamah dalam kes *Bhola Nath,* di muka surat 238 perenggan keempat sebelah kanan menyatakan:

> The writ of *habeas corpus* is, no doubt, a writ of right but not a writ of course. It is a constitutional right of a person to demand the writ, but that does not necessarily imply that the writ must issue in all cases. The issuance of the writ of *habeas corpus* is within the judicial discretion of this Court. This Court may grant a writ "whenever it thinks fit". The provisions of s. 491 make it abundantly clear, that the power is discretionary.
>
> The paramount consideration in all such cases must be the welfare of the minor. Courts will be justified in refusing to give the custody of the child to the father - although the father is ordinarily entitled to the custody of his minor children - if he is otherwise an unsuitable person and if the interest of the child would suffer by the change of the custody.

Begitu juga, di dalam kes *Madhya Bharat High Court* [1952] Cri. LJ page 578 diputuskan:

> Where a minor is illegally or improperly detained, the High Court would interfere by way of *habeas corpus* but the interest of the minor is a paramount consideration and the High Court would not use the powers under s. 491, if the remedy under the Guardians and Wards Act is more suitable. It is a rule of prudence that where an inquiry is necessary to ascertain what would be beneficial in the interest of the minors the local forum will be best suited for making such inquiry.

Gadis tersebut dalam kes ini sekarang berumur 16 tahun 3 bulan dan telah menjelaskan di dalam affidavitnya sebab-sebab demi keselamatan dan kebajikannya mengapa dia masih lagi ingin dan rela tinggal di Pusat Perlindungan Taman Sri Puteri, Rembau dan tidak mahu dikeluarkan dari situ.

Dalam keadaan kes ini saya rasa amat perlu Mahkamah membenarkan hasrat gadis NMY ini demi menjaga kepentingannya. Satu perkara lagi yang perlu saya putuskan ialah mengenai s. 367 Kanun Prosedur Jenayah yang berbunyi:

> The affidavit required by the last preceding section shall be made by the person detained or alleged to be detained unless it be shown that by reason of restraint or coercion or other sufficient cause he is unable to make it, in which case it shall be made by some other person.

Dalam hal ini saya mendapati sukar untuk menerima sebagai fakta bahawa Pendek bt Ahmad membuat affidavitnya itu "untuk pihak pemohon/gadis" tersebut kerana gadis tersebut kini dalam tahanan dan ia akan melibatkan banyak masa untuk membawa seorang Pesuruhjaya Sumpah ke Pusat Pemulihan Gadis Taman Sri Puteri, Rembau.

Jika diperhatikan, alamat Pendek bt Ahmad adalah di Alor Gajah, Melaka dan beliau membuat affidavitnya di hadapan Pesuruhjaya Sumpah di Kuala Lumpur. Tambahan pula, pihak Pusat Pemulihan dan gadis NMY sendiri tidak pernah dihubungi oleh Pendek bt Ahmad berhubung dengan permohonan ini.

Oleh itu saya berpendapat affidavit Pendek bt Ahmad dibuat bukan mengikut kehendak atau maksud s. 367 Kanun Prosedur Jenayah.

Dari segala faktor kes ini saya berpuas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab untuk menganggap gadis NMY tersebut ditahan tanpa keizinannya dan tanpa sebab yang munasabah seperti yang dimaksudkan di bawah s. 365 Kanun Prosedur Jenayah.

Oleh itu di atas sebab-sebab seperti yang dinyatakan di atas, permohonan ini ditolak.